

Tapak tangan kanan murid lelaki tahun lima hampir terbelah dua

Putus tiga jari akibat main mercun

Oleh HASHIM P. MAMAT

KUALA KANGSAR – Seorang murid tahun lima Sekolah Kebangsaan Sayong putus tiga batang jari kanan setelah mercun yang dibakar tiba-tiba meletup pada tangannya di Kampung Sayong Lembah di sini kelmarin.

Kejadian yang berlaku pada pukul 6.30 petang itu turut menyebabkan tapak tangan kanan murid itu, Muhammad Adam Haikal Mohamed Sabri, 11, hampir terbelah dua.

Menurut ibu saudara Muhammad Adam yang enggan dikenali, kejadian itu diketahuinya selepas dimaklumkan oleh orang awam sebelum dia dihantar ke Hospital Kuala Kangsar.

Katanya, mangsa kemudian mendapatkan rawatan lanjut selepas dipindahkan ke Hospital Taiping di Taiping pada pukul 9 malam kelmarin.

“Muhammad Adam menjalani pembedahan di Hospital Taiping pada pukul 11 malam dan selesai pada pukul 2.40 pagi semalam. Kejadian itu menyebabkan tangan kanannya hanya tinggal ibu jari dan jari telunjuk sahaja.

“Keadaannya kini stabil dan dia juga telah mulai sedar. Saya tidak pasti dia mengetahui atau

tidak kejadian yang menyimpannya kerana bahagian kecederaan itu telah pun dibalut,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut ibu saudaranya, sebelum kejadian itu, Muhammad Adam yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik pergi ke rumah neneknya, Noriah Mohd. Salleh, 64, di Kampung Sayong Lembah.

Jelasnya, semasa sedang menonton televisyen, anak saudaranya itu telah diajak oleh rakan-rakannya untuk bermain mercun.

“Saya amat sedih dengan kejadian yang menimpa Muhammad Adam kerana dia sebelum ini tidak mempunyai pengalaman membakar mercun.

“Saya tidak pasti jenis mercun yang dibakarnya dan mungkin ia meletup pada tapak tangan sebelum sempat dia membuangnya,” jelasnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Ahmad Termizi Abd. Haq ketika dihubungi berkata, pihaknya belum menerima sebarang laporan berhubung kejadian itu.



TAPAK tangan kanan Muhammad Adam dibalut selepas mendapat rawatan perubatan di Hospital Taiping kelmarin.



INILAH tapak tangan kanan Muhammad Adam yang hampir terbelah dua selepas bermain mercun di Kampung Sayong Lembah, Kuala Kangsar.



MUHAMMAD ADAM mengerang kesakitan selepas tiga batang jari kanannya putus.

INFO Cedera terkena mercun

7 September 2015 - Jari tengah seorang kanak-kanak berusia tiga tahun hancur manakala tapak tangan kanannya cedera akibat letupan mercun bola di rumah mangsa di Rancangan Perumahan Awam Padang Besar, Kangar, Perlis.

30 Jun 2015 - Empat batang jari kanan seorang pelajar tingkatan tiga, Mohd. Rizaimi Zambrani hancur selepas terkena mercun buatan sendiri di Kampung Kubang Palas, Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.

24 Jun 2015 - Lima batang jari kiri Mohd. Azman Syakir Mohd. Saizi yang berusia empat tahun putus akibat bermain mercun jenis AP Boom di halaman rumahnya di Kampung Tanjung Sepat, Klang, Selangor.

1 Oktober 2014 - Muhammed Haziq Syahmi Saharnizam, 9, putus lima batang jari kirinya selepas mercun yang dijumpai dan dinyalakannya meletup dalam kejadian di Felda Keratong 1, Muadzam Shah, Pahang.

Kosmo
4/6/2016
mls 3